

Empat Dekad Dalam Politik, Najib Teruskan Perjuangan Bela Bangsa Dan Negara Bernama

Feb 19, 2016

Oleh Rhoma Ahmad Razali

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Empat dekad mengabdikan diri dalam politik, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak terus cekat meneruskan perjuangan ayahandanya Tun Abdul Razak Hussein bagi membela nasib bangsa dan negara.

Menceburi arena politik di usia 22 tahun pada 1976, selepas ayahandanya yang ketika itu perdana menteri Malaysia kedua meninggal dunia, Najib kini menghampiri usia 63 tahun namun masih bertenaga untuk berbakti kepada negara.

Dilahirkan pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis, Pahang, Najib merupakan anak sulung daripada lapan beradik pasangan Tun Razak bersama Tun Rahah Tan Sri Mohamad Noah.

Beliau mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Kuala Lumpur dari tahun 1960 hingga 1967 sebelum melanjutkan pelajaran ke Malvern College Worcestershire, United Kingdom (UK) pada 1968 dan memperoleh Sarjana Muda Ekonomi Industri dari Universiti Nottingham, UK pada 1974.

Sebaik menamatkan pengajiannya di UK, Najib kembali ke Malaysia dan bekerja sebagai Pengurus Perhubungan Awam di syarikat minyak dan gas negara, Petronas dari 1974 hingga 1976 sebelum dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Penternakan Malaysia dari 1976 hingga 1978.

Perjalanan politik Najib bermula selepas beliau memenangi tanpa bertanding kerusi Parlimen Pekan, yang pernah disandang ayahandanya, dalam pilihan raya kecil Parlimen itu pada Februari 1976, sekali gus menjadikan beliau sebagai Anggota Parlimen termuda pada usia 22 tahun.

Dua tahun selepas kemenangan itu, Najib dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi, dan Pos juga menjadikannya Timbalan Menteri termuda di Malaysia ketika itu.

Beliau turut dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran pada 1980 sebelum dipilih sebagai Menteri Besar Pahang ke-11 pada 1982, yang turut menjadikan beliau Menteri Besar termuda ketika berumur 29 tahun.

Selepas berkhidmat selama empat tahun sebagai menteri besar di negeri kelahirannya, Najib kemudian dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 1986, Menteri Belia dan Sukan dari 1987 hingga 1990, Menteri Pertahanan (1990-1995), Menteri Pelajaran (1995-1999) dan memegang semula Kementerian Pertahanan (1999-2008) serta Menteri Kewangan (2008-sekarang).

Sewaktu menjadi Menteri Pertahanan buat kali pertama pada 1990 hingga 1995, Najib telah menjadikan dasar keselamatan dan pertahanan sebagai agenda global dengan beliau memainkan peranan penting menggerakkan pasukan keselamatan negara di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Di bawah kepimpinan Najib, Malaysia terus memperkukuh penglibatannya secara aktif dengan menghantar pasukan pengaman PBB terutama dalam operasi di Somalia pada 1993, sambil membela kebajikan anggota tentera.

Sewaktu menerajui Kementerian Pendidikan pula, banyak pembaharuan diperkenalkan beliau termasuk penyusunan semula struktur kementerian itu, pengkorporatan institusi pengajian tinggi, penggubalan Akta Pendidikan 1996, penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi dan Tabung Pendidikan Nasional yang semuanya berobjektifkan sebagai persiapan pendidikan abad ke-21.

Apabila diberi kepercayaan sekali lagi untuk memimpin Kementerian Pertahanan pada 1999 hingga 2008, Najib meneruskan program memajukan angkatan bersenjata tanah air sesuai dengan era semasa serta peranan Malaysia di peringkat global sebagai anggota pasukan pengaman PBB.

Kemuncak politik Najib bermula apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri kesembilan pada 2004 semasa di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Pada masa yang sama Najib turut menyandang jawatan Menteri Pertahanan.

Pada 2008, Abdullah mengambil alih jawatan Menteri Pertahanan dan menyerahkan jawatan Menteri Kewangan kepada Najib, sambil mengekalkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri yang disandang masing-masing.

Tanggal 3 April 2009 merupakan tarikh amat bersejarah bagi Najib dalam pendakian ke kemuncak kerjaya politik apabila beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam, jawatan yang beliau sandang sehingga sekarang.

Dalam UMNO pula, penglibatan Najib dalam parti itu juga bermula pada 1976, dan beliau turut melalui pendakian panjang dalam hierarki parti itu untuk sampai ke puncak sebagai Presiden parti itu.

Sepanjang tempoh itu, beliau telah menyandang beberapa jawatan parti dan telah berkhidmat di peringkat bahagian, negeri dan sayap parti sebelum sampai ke peringkat UMNO Malaysia.

Antaranya jawatan yang telah disandangnya ialah Ketua Pemuda UMNO bahagian Pekan, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Pahang, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Pahang, Naib Presiden UMNO, Timbalan Presiden UMNO dan Presiden UMNO.

-- BERNAMA

Copyright © 2015 BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1217539>